NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 68
Bil. 4

**12hb Februari 2015**

*TAMBAHAN*
*No. 1*

**No. 494.**

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENYATA KEWANGAN MAJLIS DAERAH TAPAH
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

Penyata Kewangan Majlis Daerah Tapah bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan ini termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan Penyata Kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Majlis Daerah Tapah pada 31 Disember 2012 serta hasil operasi dan aliran tunainya untuk tahun tersebut adalah selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan.

IPOH

Bertarikh 4 Julai 2013

t.t.

(BARIDATUL ANITA BINTI HAJI BIDIN)
*b.p. Ketua Audit Negara*
*Malaysia*

## PENYATA OLEH AHLI-AHLI MAJLIS

Kami, Hj. Zainuddin bin Zainal Abidin dan Wong Peik Fah, yang merupakan Ahli Majlis, Majlis Daerah Tapah dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat kami Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan Nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Majlis Daerah Tapah pada 31 Disember 2012 dan hasil kendaliannya dan perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Lembaga Ahli Majlis,

TN. HJ. ZAINUDDIN BIN ZAINAL ABIDIN
*Ahli Majlis*
*Majlis Daerah Tapah*
*Tarikh: 10 April 2013*

Bagi Pihak Lembaga Ahli Majlis,

WONG PEIK FAH
*Ahli Majlis*
*Majlis Daerah Tapah*
*Tarikh: 10 April 2013*

## PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

Saya, Hj. Razali bin Bakar, P.M.P., A.M.N., A.M.P., P.P.T., pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Daerah Tapah dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan Nota-nota di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya adalah benar dan saya membuat pengakuan ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan menurut kehendak-kehendak akta Akuan Berkanun 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh )
penama yang tersebut di atas )
di Tapah pada 10 April 2013 )

t.t.
.......................................................
HJ. RAZALI BIN BAKAR
*Yang Dipertua*
*Majlis Daerah Tapah*

Di hadapan saya,

t.t.
Pesuruhjaya Sumpah
Malaysia

LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2012

| | NOTA | 2012 RM | 2011 RM |
|---|---|---|---|
| ASET BUKAN SEMASA | | | |
| Hartanah, Loji dan Peralatan | 4 | 14,796,044 | 15,044,664 |
| Kerja Dalam Perlaksanaan | 4 | 800,000 | 0 |
| ASET SEMASA | | | |
| Penghutang | 6 | 4,207,393 | 4,310,643 |
| Bayaran Terdahulu | 7 | 6,925 | 6,925 |
| Simpanan Tetap | 8 | 1,080,000 | 1,080,000 |
| Wang di Bank dan di Tangan | 9 | 2,092,340 | 2,169,611 |
| | | 7,386,658 | 7,567,179 |
| LIABILITI SEMASA | | | |
| Pemiutang | 10 | 669,149 | 530,657 |
| Terimaan Terdahulu | 11 | 37,125 | 30,839 |
| Cagaran Diterima dan Wang Amanah | 12 | 1,425,721 | 1,004,071 |
| | | 2,131,995 | 1,565,567 |
| ASET SEMASA BERSIH | | 5,254,663 | 6,001,612 |
| | | 20,850,707 | 21,046,276 |
| Dibiayai Oleh: | | | |
| Kumpulan Wang | 13 | 6,476,976 | 6,920,484 |
| Pemberian Kerajaan Yang Dimodalkan | 14 | 14,373,731 | 14,125,792 |
| | | 20,850,707 | 21,046,276 |

PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

| | NOTA | 2012 RM | 2011 RM |
|---|---|---|---|
| PENDAPATAN | | | |
| Hasil Cukai | 15 | 3,784,324 | 3,259,723 |
| Hasil Bukan Cukai | 16 | 2,473,354 | 2,515,996 |
| Terimaan Bukan Hasil | 17 | 2,398,984 | 2,698,697 |
| JUMLAH | | 8,656,662 | 8,474,416 |
| PERBELANJAAN | | | |
| Emolumen | 18 | 4,792,656 | 4,110,804 |
| Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan | 19 | 4,056,501 | 3,532,244 |
| Harta Modal | 20 | 15,950 | 22,641 |
| Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap | 21 | 69,915 | 56,750 |
| Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain | 22 | 33,205 | 320,184 |
| Susutnilai | 4 | 532,546 | 468,078 |
| JUMLAH | | 9,500,773 | 8,510,701 |
| (KURANGAN) PENDAPATAN ATAS PERBELANJAAN | | (844,111) | (36,285) |

## PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2012

| | Nota | Kumpulan Wang Terkumpul | Kumpulan Wang Lain-Lain | Jumlah |
|---|---|---|---|---|
| | 13 | | | |
| | | RM | RM | RM |
| Baki pada 1 Jan 2011 | | 5,836,693 | 586,263 | 6,422,956 |
| Lebihan Pendapatan Atas Perbelanjaan | | (36,285) | 0 | (36,285) |
| Tambahan Sumbangan Semasa | | 0 | 1,967,296 | 1,967,296 |
| Perbelanjaan | | 0 | (1,308,483) | (1,308,483) |
| Pindahan Wang ke Kumpulan Wang Peruntukan Ahli Majlis | | (125,000) | 0 | (125,000) |
| Baki Pada 31 Disember 2011 | | 5,675,408 | 1,245,076 | 6,920,484 |
| Pelarasan Tahun Lalu | | 157,713 | 0 | 157,713 |
| Baki Pada 1 Jan. 2012 Dinyatakan Semula | | 5,833,121 | 1,245,076 | 7,078,197 |
| Kurangan Pendapatan Atas Perbelanjaan Semasa | | (844,111) | 0 | (844,111) |
| Tambahan Sumbangan Semasa | | 0 | 985,668 | 985,668 |
| Perbelanjaan | | 0 | (663,778) | (663,778) |
| Pindahan Wang ke Kumpulan Wang | | (79,000) | 0 | (79,000) |
| Baki Pada 31 Disember 2012 | | 4,910,010 | 1,566,966 | 6,476,976 |

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

| | 2012<br>RM | 2011<br>RM |
|---|---|---|
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI | | |
| Kurangan Pendapatan Atas Perbelanjaan | (844,111) | (36,285) |
| Pelarasan untuk Perkara-Perkara Yang Tidak Melibatkan Tunai | | |
| Pelarasan Tahun Semasa | 78,711 | (58,808) |
| Susutnilai | 532,546 | 468,078 |
| Pelarasan Baki Pemberian Kerajaan Yang Dimodalkan | (205,664) | 0 |
| Pelarasan Aset dan Pemberian Kerajaan Yang Dimodalkan | (1,090) | 0 |
| Pindahan dari Pemberian Kerajaan Yang Dimodalkan | (378,575) | (378,861) |
| Kerugian atas Pelupusan Harta Tetap | 0 | 236,533 |
| (Kurangan)/Lebihan Pendapatan Sebelum Perubahan Modal Kerja | (818,183) | 230,657 |
| Perubahan Modal Kerja | | |
| Pengurangan/(Pertambahan) dalam Penghutang | 103,251 | (535,821) |
| Pertambahan dalam Pemiutang | 138,492 | 104,452 |
| Pertambahan/(Pengurangan) dalam Terimaan Terdahulu | 6,287 | (70,894) |
| Pertambahan dalam Pertaruhan Diterima | 421,650 | 312,168 |
| Tunai (Digunakan)/Dihasilkan Dalam Aktiviti Operasi | (148,503) | 40,562 |
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN | | |
| Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan | (250,658) | 168,166 |
| Tunai Digunakan dalam Aktiviti Pelaburan | (250,658) | 168,166 |
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN | | |
| Terimaan dalam tahun | 985,668 | 1,967,296 |
| Bayaran dalam tahun | (663,778) | (1,308,483) |
| Tunai Diterima Daripada Aktiviti Pembiayaan | 321,890 | 658,813 |

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012—*(sambungan)*

| | Nota | 2012 RM | 2011 RM |
|---|---|---|---|
| (Kurangan)/Pertambahan Bersih Dalam Tunai dan Kesetaraan | | (77,271) | 531,209 |
| Tunai Dalam Tahun | | | |
| Tunai dan Keseteraan Tunai Pada 1 Jan | | 3,249,611 | 2,718,402 |
| Tunai dan Keseteraan Tunai Pada 31 Dis | | 3,172,340 | 3,249,611 |
| Wang di tangan | 9 | 2,092,340 | 2,169,611 |
| Simpanan tetap | 8 | 1,080,000 | 1,080,000 |
| Tunai dan Keseteraan Tunai Pada 31 Dis | | 3,172,340 | 3,249,611 |

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2012

1. MAKLUMAT ORGANISASI

1.1 VISI

Menjadikan kawasan pentadbiran Majlis Daerah Tapah yang bersih, mampan, progresif, sejahtera dan makmur.

1.2 AKTIVITI UTAMA

Memastikan penduduk menikmati kualiti hidup yang sempurna di samping mewujudkan peluang-peluang perniagaan dan pelancongan dengan pembinaan gerai-gerai dan bangunan perniagaan. Sehubungan dengan itu, sewaan, pelesenan dan cukai taksiran telah dikenakan kepada orang awam untuk menambahkan pendapatan Majlis. Usaha-usaha mengutip tunggakan hasil juga sedang giat dijalankan untuk mengukuhkan kedudukan kewangan Majlis Daerah Tapah.

1.3 STRUKTUR ORGANISASI

Pengurusan Majlis terdiri daripada 13 jabatan iaitu:

1.3.1 Jabatan Khidmat Pengurusan

1.3.2 Jabatan Perbendaharaan

1.3.3 Jabatan Kejuruteraan dan Bangunan

1.3.4 Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

1.3.5 Jabatan Perancang, Perlancongan dan Lanskap

1.3.6 Jabatan Pelesenan

1.3.7 Jabatan Teknologi Maklumat
1.3.8 Jabatan Perundangan
1.3.9 Jabatan Penguatkuasaan
1.3.10 Jabatan Kawalan Vektor dan Kebersihan Premis
1.3.11 Jabatan Perkhidmatan Bandar
1.3.12 Jabatan Audit Dalam
1.3.13 Jabatan Unit Pusat Setempat

1.4 RINGKASAN PERJAWATAN

| Kumpulan Perjawatan | Perjawatan | Taraf Jawatan | Diisi |
|---|---|---|---|
| Pengurusan & Professional | 5 | Tetap | 4 |
| Sokongan 1 | 52 | Tetap<br>Kontrak | 44<br>11 |
| Sokongan 11 | 106 | Tetap<br>Kontrak<br>Sambilan | 68<br>2<br>11 |

2. POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Polisi pengurusan risiko kewangan Majlis bertujuan untuk memastikan supaya sumber-sumber kewangan yang mencukupi tersedia bagi operasi Majlis dan bagi pembayaran balik hutang Majlis serta menguruskan kadar kecairan dan risiko kredit. Majlis beroperasi berdasarkan garis panduan dan polisi-polisi yang dibenarkan dan tidak terlibat dalam sebarang aktiviti spekulasi.

2.1 Risiko Kecairan

Risiko kecairan merupakan risiko bahawa entiti akan menghadapi kesukaran dalam dana bagi memenuhi obligasi semasa dan masa depan yang berkaitan dengan obligasi kewangan apabila telah sampai tempoh.

Risiko kecairan dan aliran tunai diuruskan melalui pengurusan modal kerja bagi memastikan aliran tunai sentiasa mencukupi. Pihak Majlis mempunyai bantuan kewangan yang mencukupi bagi memenuhi keperluan semasa.

2.2 Risiko Kredit

Risiko kredit adalah berkemungkinan bagi kerugian yang berpunca daripada kegagalan penghutang atau pihak berhubungan untuk memenuhi obligasi kontrak mereka.

Pengurusan risiko kredit dilaksanakan melalui penilaian kredit dalaman bagi risiko kredit yang mantan.

2.3 Nilai Saksama

Nilai buku aset dan liabiliti kewangan Majlis pada tarikh lembaran imbangan adalah pada nilai saksamanya.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

3.1 Asas Perakaunan

3.1.1 Penyata Kewangan ini disediakan mengikut konvensyen kos sejarah.

3.1.2 Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan

Pendapatan:

i. Hasil Kendalian/Operasi

Hasil daripada kendalian/operasi seperti cukai taksiran am, sewaan dan faedah akan diiktiraf sebagai pendapatan di dalam tahun semasa dengan menggunakan asas akruan. Mana-mana hasil kendalian/operasi selain daripada yang tersebut di atas diiktiraf berdasarkan asas tunai iaitu sewa padang dan gelanggang, perabot, jentera dan kenderaan. Denda lewat, Notis E dan Waran F tidak menggunakan asas akruan kerana caj yang dikenakan adalah berdasarkan tahun semasa.

ii. Terimaan Bukan Hasil

Pendapatan-pendapatan lain seperti bantuan dan sumbangan daripada Kerajaan Negeri dan Persekutuan atau lain-lain pendapatan yang berkelaziman atau di bawah kehendak mana-mana akta dan arahan akan diiktiraf secara akruan di mana perlu.

iii. Keuntungan Simpanan Tetap

Penerimaan keuntungan untuk simpanan tetap sistem perbankan secara Islam diambilkira berdasarkan asas tunai.

Perbelanjaan:

Perbelanjaan diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam tahun semasa dengan menggunakan asas akruan.

3.1.3 Peruntukan

Peruntukan bagi liabiliti diiktiraf apabila Majlis mempunyai kewajipan semasa disebabkan oleh peristiwa lampau dan berkemungkinan aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat dari segi ekonomi diperlukan untuk menjelaskan kewajipan tersebut dan satu anggaran yang berwibawa boleh dibuat atas jumlah berkenaan.

Peruntukan disemak pada setiap tarikh lembaran imbangan dan dilaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terkini.

Apabila kesan nilai masa wang adalah ketara, jumlah peruntukan nilai semasa adalah bersamaan dengan perbelanjaan diperlukan untuk menjelaskan kewajipan tersebut.

3.2 Hartanah, Loji dan Peralatan

Aset yang berjumlah RM1,000 dan ke atas akan dipermodalkan sebagai hartanah, loji dan peralatan. Bagi aset yang berjumlah kurang dari RM1,000 akan dicajkan sebagai perbelanjaan di penyata pendapatan mulai tahun 2009.

Pada setiap tarikh lembaran imbangan, Majlis mengkaji nilai asetnya untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika petunjuk sedemikian wujud, kemerosotan nilai diukur dengan membandingkan nilai buku aset tersebut dengan jumlah yang boleh diperolehi daripadanya. Jumlah yang boleh diperolehi adalah nilai tertinggi antara harga jualan bersih dan nilai kegunaan yang diukur dengan merujuk kepada aliran tunai masa hadapan yang didiskaun.

Sebarang kemerosotan nilai adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan pada penyata pendapatan dengan segera. Apabila kemerosotan nilai bagi aset yang diiktiraf pada tahun-tahun sebelumnya tidak lagi atau telah berkurangan, pembalikan kemerosotan nilai akan dicatatkan.

Susutnilai dan Pelunasan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul dan nilai aset terjejas, jika ada. Hartanah, loji dan peralatan disusutnilai menggunakan asas sama rata supaya kos harta-harta tersebut dilunaskan sepanjang tempoh jangkaan usia guna harta tersebut.

3.2.1 Susutnilai adalah diperuntukkan dan dikira berdasarkan kaedah garis lurus. Peruntukan amaun susutnilai bagi sesuatu aset adalah jumlah yang boleh disusutnilai daripada aset tersebut bagi tempoh hayat boleh guna yang dijangkakan.

3.2.2 Pengiktirafan Susutnilai

Pengiktirafan susutnilai atas aset dilakukan hanya bagi pembelian harta sebelum atau pada 30 Jun setiap tahun dengan mengambilkira jumlah peruntukan susutnilai untuk setahun tanpa mengambilkira bulan beli.

3.2.3 Kadar-kadar tahun yang digunakan adalah seperti berikut:

| | | | |
|---|---|---|---|
| Bangunan | : | 2%-10% | Setahun |
| Kenderaan | : | 20% | Setahun |
| Mesin dan Loji | : | 33.30% | Setahun |
| Alat Kelengkapan Pejabat | : | 10%-33.30 | Setahun |

3.2.4 Pelunasan tanah

Pelunasan tanah adalah dikira berdasarkan pajakan selama 60 tahun dan 99 tahun. Tanah milik bebas tidak disusutnilai.

3.3 Caruman Bantuan Kadar

Pemberian Caruman Bantuan Kadar adalah berdasarkan kepada caruman/pemberian yang diluluskan sama ada oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan dan lain-lain pihak yang terlibat direalisasikan sebagai pendapatan mengikut tahun tuntutan.

3.4 Geran Kerajaan

3.4.1 Geran Kerajaan yang berkaitan dengan harta tetap adalah diiktiraf sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan mengikut anggaran jangkahayat harta tersebut. Pendapatan ditundakan mengikut amaun susutnilai tahunan bersamaan dengan tempoh hayat aset berkenaan dan dipersembahkan dalam Lembaran Imbangan sebagai Pemberian Kerajaan Yang Dipermodalkan.

3.4.2 Geran-geran Kerajaan yang diterima selain daripada Geran yang berkaitan dengan harta tetap diiktiraf sebagai pendapatan dalam tahun diterima tanpa wujudnya tunggakan penerimaan Geran Kerajaan di dalam Penyata Kewangan semasa.

3.4.3 Waran tidak diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan kecuali geran dalam bentuk cek.

3.4.4 Pelupusan atau penjualan harta tetap dari pemberian kerajaan yang dipermodalkan diiktiraf sebagai pendapatan.

3.4.5 Kerja dalam pelaksanaan dinyatakan pada nilai kos mengikut kaedah siap dilaksanakan.

3.5 Pinjaman

Pinjaman yang diperolehi daripada mana-mana Kerajaan, Agensi dan lain-lain pihak yang diperakaunkan berdasarkan syarat-syarat yang dipersetujui bersama dan dinyatakan di dalam Kunci Kira-kira sebagai Pinjaman Jangka Panjang. Jumlah bayaran balik pula dinyatakan sebagai Pinjaman Jangka Pendek yang mengurangkan Pinjaman Jangka Panjang mengikut jumlah yang sama.

3.6 Kemudahan

Kemudahan yang berkaitan dengan kepentingan awam tidak diiktiraf sebagai harta dan tidak dipermodalkan.

3.7 Pertaruhan dan Terimaan Terdahulu

Pertaruhan pelbagai diterima daripada orang awam untuk bayaran cagaran sewa, lesen dan bayaran menjamin kebersihan. Wang Amanah Awam pula diterima daripada individu, waran dari Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk menyelenggarakan sesebuah aktiviti.

3.8 Penghutang

Nilai buku penghutang adalah bersamaan dengan nilai realisasinya. Hutang lapuk dihapuskira apabila dikenalpasti. Anggaran dibuat bagi

hutang ragu berdasarkan kajian semua jumlah tertunggak pada tarikh lembaran imbangan. Penghutang dinyatakan setelah ditolak elaun hutang ragu.

3.9 Pemiutang

Pemiutang dinyatakan pada kos yang merupakan nilai saksama pembayaran yang akan dibuat pada masa hadapan bagi barangan atau perkhidmatan yang diterima.

3.10 Instrumen Kewangan

Aset kewangan dan liabiliti kewangan di dalam lembaran imbangan adalah merangkumi tunai di bank, deposit dengan institusi kewangan dan bank berlesen, pemiutang dan penghutang. Dasar-dasar perakaunan atas pengiktirafan dan ukuran bagi perkara-perkara tersebut dinyatakan dalam perakaunan masing-masing.

3.11 Manfaat Kakitangan

Manfaat jangka pendek

Gaji, bonus, caruman keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberi oleh kakitangan Majlis. Pampasan ketidakhadiran terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberi oleh kakitangan yang menambah kelayakan mereka untuk mendapatkan pampasan ketidakhadiran pada masa hadapan, manakala pampasan ketidakhadiran terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran tersebut berlaku.

Pelan Caruman Bertakrif

Majlis membuat caruman kepada skim pencen Negara, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) seperti yang dikehendaki oleh undang-undang. Caruman tersebut diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Pendapatan apabila ditanggung.

## 4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

### 4.1 Hartanah, Loji dan Peralatan

| 2012 | Tanah Milik Bebas RM | Tanah Milik Pajakan RM | Bangunan RM | Kenderaan RM | Loji dan Mesin RM | Kelengkapan Pejabat RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Kos Asal/Nilaian | | | | | | | |
| Baki Awal Tahun | 190,000 | 193,555 | 18,235,421 | 1,659,297 | 283,493 | 1,063,017 | 21,624,783 |
| Tambahan | 0 | 0 | 0 | 214,990 | 1,550 | 34,109 | 250,649 |
| Pelarasan | 0 | 0 | 0 | 34,360 | 0 | 9 | 34,369 |
| Pelarasan Baki Awal | 0 | 0 | 0 | (1) | 0 | 0 | (1) |
| Baki Akhir Tahun | 190,000 | 193,555 | 18,235,421 | 1,908,646 | 285,043 | 1,097,135 | 21,909,800 |
| Susutnilai Terkumpul | | | | | | | |
| Baki Awal Tahun | 0 | 43,774 | 3,824,136 | 1,459,217 | 279,397 | 973,595 | 6,580,119 |
| Susutnilai Semasa | 0 | 1,955 | 394,791 | 89,596 | 2,045 | 44,159 | 532,546 |
| Pelarasan | 0 | 0 | (33,269) | 34,359 | 0 | 0 | 1,090 |
| Pelarasan Baki Awal | 0 | 0 | (1) | 2 | (1) | 1 | 1 |
| Baki Akhir Tahun | 0 | 45,729 | 4,185,657 | 1,583,174 | 281,441 | 1,017,755 | 7,113,756 |
| Nilai Buku Bersih | 190,000 | 147,826 | 14,049,764 | 325,472 | 3,602 | 79,380 | 14,796,044 |

| 2011 | Tanah Milik Bebas RM | Tanah Milik Pajakan RM | Bangunan RM | Kenderaan RM | Loji dan Mesin RM | Kelengkapan Pejabat RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Kos Asal/Nilaian | | | | | | | |
| Baki Awal Tahun | 190,000 | 193,555 | 17,754,087 | 1,666,280 | 280,513 | 1,022,825 | 21,107,260 |
| Tambahan | 0 | 0 | 897,860 | 113,910 | 2,980 | 63,060 | 1,077,810 |
| Pelupusan | 0 | 0 | (416,526) | (120,893) | 0 | (22,868) | (560,287) |
| Baki Akhir Tahun | 190,000 | 193,555 | 18,235,421 | 1,659,297 | 283,493 | 1,063,017 | 21,624,783 |
| Susutnilai Terkumpul | | | | | | | |
| Baki Awal Tahun | 0 | 41,819 | 3,607,007 | 1,541,811 | 278,852 | 966,306 | 6,435,795 |
| Susutnilai Semasa | 0 | 1,955 | 400,401 | 38,296 | 545 | 26,881 | 468,078 |
| Pelupusan | 0 | 0 | (183,272) | (120,890) | 0 | (19,592) | (323,754) |
| Baki Akhir Tahun | 0 | 43,774 | 3,824,136 | 1,459,217 | 279,397 | 973,595 | 6,580,119 |
| Nilai Buku Bersih | 190,000 | 149,781 | 14,411,285 | 200,080 | 4,096 | 89,422 | 15,044,664 |

5. KERJA DALAM PERLAKSANAAN

| | 2012 RM | 2011 RM |
|---|---|---|
| Pembinaan Dewan komuniti | 0 | 600,000 |
| Tolak: | | |
| Penolakan Dalam Tahun | 0 | (600,000) |
| Tambah: | | |
| Pembinaan Dewan Serbaguna Sungkai | 800,000 | 0 |
| | 800,000 | 0 |

Kerja Dalam Pelaksanaan adalah termasuk Wang Jaminan Pelaksanaan bagi pembinaan Dewan Serbaguna Sungkai No. Kontrak: MDTP41/12 (merupakan 5% daripada harga keseluruhan kontrak asal iaitu RM1,483,071) ditahan oleh Jabatan Akauntan Negara sehingga tuntutan dibuat oleh pihak Majlis dan dikembalikan kepada ERA MASTERS selepas Perakuan Siap Kerja dikeluarkan dan tamat tempoh tanggungan kecacatan.

6. PENGHUTANG

| | 2012 RM | 2011 RM |
|---|---|---|
| Cukai Taksiran Am | 2,927,719 | 2,887,818 |
| Carum Bantu Kadar | 670,875 | 731,693 |
| Sewa | 712,460 | 777,301 |
| Faedah Terakru | 0 | 16,068 |
| Pelbagai | 4,325 | 5,749 |
| | 4,315,379 | 4,418,629 |
| Tolak: Elaun Hutang Ragu | | |
| Cukai Taksiran | (107,986) | (107,986) |
| | 4,207,393 | 4,310,643 |

7. BAYARAN TERDAHULU

| | | |
|---|---|---|
| Wang Pertaruhan: | | |
| Tenaga Nasional Berhad, Bidor | 4,320 | 4,320 |
| Tenaga Nasional Berhad, Kampar | 1,500 | 1,500 |
| Lembaga Air Perak | 605 | 605 |
| Jabatan Kerja Raya, Perak | 500 | 500 |
| | 6,925 | 6,925 |

8. SIMPANAN TETAP

| | 2012 RM | 2011 RM |
|---|---|---|
| Baki pada 1 Januari / 31 Disember | 1,080,000 | 1,080,000 |

9. WANG DI BANK DAN DI TANGAN

| | | |
|---|---|---|
| Wang Dalam Bank | | |
| Akaun MBB 40435-1 | 426,695 | 921,909 |
| Akaun Kg Tersusun | 112,813 | 112,813 |
| Akaun Program Pembasmian Kemiskinan | 407,060 | 257,340 |
| Akaun Pendahuluan Pinjaman | 24,874 | 24,874 |
| Akaun Pembangunan | 916,554 | 772,775 |
| Akaun Kaunselor | 105,665 | 77,274 |
| Akaun BSN – Cukai Taksiran | 97,679 | 2,126 |
| Panjar Wang Runcit | 1,000 | 500 |
| | 2,092,340 | 2,169,611 |

10. PEMIUTANG

| | | |
|---|---|---|
| Pelbagai Pemiutang | 669,149 | 530,657 |
| | 669,149 | 530,657 |

11. TERIMAAN TERDAHULU

| | | |
|---|---|---|
| Cukai Taksiran Am | 34,831 | 27,586 |
| Sewaan | 2,294 | 3,253 |
| | 37,125 | 30,839 |

12. CAGARAN DITERIMA DAN AMANAH

| | | |
|---|---|---|
| Wang Pertaruhan Diterima | 1,092,885 | 747,508 |
| Wang Amanah Awam | 332,836 | 256,563 |
| | 1,425,721 | 1,004,071 |

13. KUMPULAN WANG

13.1 Kumpulan Wang Terkumpul

| | | |
|---|---|---|
| Kurangan Pendapatan atas Perbelanjaan bagi tahun: | (844,111) | (36,285) |
| Baki pada 1 Januari | | |
| Seperti yang dilaporkan dahulu: | 5,675,408 | 5,770,501 |
| Pindahan Wang ke Kumpulan Wang Peruntukan Ahli Majlis: | (79,000) | (125,000) |
| Pelarasan tahun lepas: | 157,713 | 66,192 |
| Seperti yang dinyatakan semula | 5,754,121 | 5,711,693 |
| Baki pada 31 Disember | 4,910,010 | 5,675,408 |

| | | 2012<br>RM | 2011<br>RM |
|---|---|---|---|
| 13.1 | Kumpulan Wang Terkumpul–(*samb.*) | | |
| | *Pelarasan tahun lepas:* | | |
| | Siberhutang Cukai Taksiran | (21,902) | (27,095) |
| | Terimaan terdahulu - Cukai Taksiran | 344 | 48,869 |
| | Terimaan terdahulu - Sewa Terimaan Yang Lain | 0 | (721) |
| | Terimaan terdahulu - Sewa Gerai | 0 | (1,341) |
| | Sipiutang - Sewa Bangunan Perniagaan | 600 | 0 |
| | Sipiutang - Gantian Cuti Rehat | 0 | (7,510) |
| | Sipiutang - Perkhidmatan Ikhtisas | 40 | 0 |
| | Sipiutang - Harta Modal Yang Lain | 11,040 | 0 |
| | Sipiutang - Perbelanjaan Yang Lain | 0 | (895) |
| | Siberhutang - Sewa Bangunan Perniagaan | (39,700) | 13,890 |
| | Siberhutang - Sewa Gerai | 2,732 | 148,427 |
| | Siberhutang - Sewa Dewan | 206,875 | 1,600 |
| | Siberhutang - Sewaan Yang Lain | (1,242) | 18,670 |
| | Siberhutang - Sewa Tandas Awam | 120 | 1,100 |
| | Siberhutang - Sewa Rumah Sembelih | 0 | (50) |
| | Siberhutang - Sewa Bangunan Kediaman | 120 | 0 |
| | Pertaruhan diterima terdahulu | 0 | (128,334) |
| | Akaun Bank - 40435-1 | (283,469) | 0 |
| | Susutnilai Terkumpul Bangunan | 33,269 | (1) |
| | Kumpulan Wang Pendahuluan Pinjaman Komputer | 0 | (417) |
| | Pemberian Kerajaan Dipermodalkan | (33,383) | 0 |
| | Terimaan Yang Lain | 482 | 0 |
| | Terimaan Sumbangan Persekutuan | 281,787 | 0 |
| | | 157,713 | 66,192 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 13.2 | Kumpulan Wang Pembasmian Kemiskinan: | | |
| | Baki pada 1 Januari | 257,339 | 26,561 |
| | Tambah: Penerimaan Dalam Tahun | 337,834 | 483,068 |
| | Tolak: Pembayaran Dalam Tahun | (188,113) | (252,290) |
| | Baki pada 31 Disember | 407,060 | 257,339 |

| | | 2012 RM | 2011 RM |
|---|---|---|---|
| 13.3 | Kumpulan Wang Pembangunan: | | |
| | Baki pada 1 Januari | 772,775 | 422,431 |
| | Tambah: Penerimaan Dalam Tahun | 565,669 | 1,357,037 |
| | Tolak: Pembayaran Dalam Tahun | (421,889) | (1,006,693) |
| | Baki pada 31 Disember | 916,555 | 772,775 |
| 13.4 | Kumpulan Wang Rancangan Kampung Tersusun: | | |
| | Baki pada 1 Januari | 112,813 | 112,813 |
| | Tambah: Penerimaan Dalam Tahun | 2,274 | 1,132 |
| | Tolak: Pembayaran Dalam Tahun | (2,274) | (1,132) |
| | Baki pada 31 Disember | 112,813 | 112,813 |
| 13.5 | Kumpulan Wang Pendahuluan Pinjaman Komputer: | | |
| | Baki pada 1 Januari | 24,874 | 24,458 |
| | Tambah: Penerimaan Dalam Tahun | 0 | 417 |
| | Baki pada 31 Disember | 24,874 | 24,875 |
| 13.6 | Kumpulan Wang Kaunselor: | | |
| | Baki pada 1 Januari | 77,274 | 0 |
| | Tambah: Penerimaan Dalam Tahun | 79,891 | 125,642 |
| | Tolak: Pembayaran Dalam Tahun | (51,501) | (48,368) |
| | Baki pada 31 Disember | 105,664 | 77,274 |
| | Jumlah Kumpulan Wang | 6,476,976 | 6,920,484 |

14. PEMBERIAN KERAJAAN YANG DIMODALKAN

Ini merupakan geran kerajaan berkaitan dengan hartanah, loji dan peralatan.

| 2012 | Baki Pada 1 Januari | Tambahan/ Pelarasan | Reklasifikasi | Pelarasan | Jumlah Diperuntukan Kpd Pendapatan Jangka Masa | Baki Pada 31 Disember |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| Bangunan | 14,112,803 | 0 | 0 | (174,696) | (373,715) | 13,564,392 |
| Kenderaan | 22 | 34,359 | 0 | (34,359) | 0 | 22 |
| Loji dan Mesin | 1,097 | 0 | 0 | 0 | (533) | 564 |
| Kelengkapan Pejabat | 11,870 | 1,210 | 0 | 0 | (4,327) | 8,753 |
| Kerja Dalam Pelaksanaan | 0 | 800,000 | 0 | 0 | 0 | 800,000 |
| | 14,125,792 | 835,569 | 0 | (209,055) | (378,575) | 14,373,731 |

| 2011 | Baki Pada 1 Januari | Tambahan | Reklasifikasi | Pelarasan | Jumlah Diperuntukan Kpd Pendapatan Jangka Masa | Baki Pada 31 Disember |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| Bangunan | 13,593,259 | 0 | 897,860 | 0 | (378,316) | 14,112,803 |
| Kenderaan | 22 | 0 | 0 | 0 | 0 | 22 |
| Loji dan Mesin | 1,642 | 0 | 0 | 0 | (545) | 1,097 |
| Kelengkapan Pejabat | 86 | 11,784 | 0 | 0 | 0 | 11,870 |
| Kerja Dalam Pelaksanaan | 600,000 | 297,860 | (897,860) | 0 | 0 | 0 |
| | 14,195,009 | 309,644 | 0 | 0 | (378,861) | 14,125,792 |

14.1 Seperti yang dinyatakan dalam Nota 5, Kerja Dalam Pelaksanaan adalah merujuk kepada pembinaan Dewan Serbaguna Sungkai. Sejumlah RM725,846 telah dibayar kepada ERA MASTERS dan baki sebanyak RM74,154 masih ditahan dan dipegang oleh Jabatan Akauntan Negara sebagai Wang Jaminan Pelaksanaan.

15. HASIL CUKAI

| | 2012 | 2011 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Cukai Langsung | 2,920,828 | 2,793,058 |
| Carum Bantu Kadar | 863,496 | 466,665 |
| | 3,784,324 | 3,259,723 |

16. HASIL BUKAN CUKAI

| | 2012 RM | 2011 RM |
|---|---|---|
| Lesen, Permit dan Pendaftaran | 652,788 | 694,352 |
| Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan | 780,333 | 670,790 |
| Perolehan Dari Jualan Barang-Barang | 54,159 | 60,026 |
| Sewaan | 642,136 | 640,791 |
| Faedah Dan Perolehan Dari Pelaburan | 57,415 | 57,143 |
| Denda Dan Hukuman | 286,523 | 392,894 |
| | 2,473,354 | 2,515,996 |

17. TERIMAAN BUKAN HASIL

| | | |
|---|---|---|
| Pulang Balik Perbelanjaan | 2,603 | 10,415 |
| Sumbangan Daripada Agensi Kerajaan | 1,969,986 | 2,254,428 |
| Terimaan-terimaan Lain | 47,820 | 43,563 |
| Pindahan Dari Pemberian Kerajaan Yang Dimodalkan | 378,575 | 378,861 |
| Untung Atas Hasil Jualan Aset | 0 | 11,430 |
| | 2,398,984 | 2,698,697 |

18. EMOLUMEN

| | | |
|---|---|---|
| Gaji dan Upahan | 4,792,656 | 4,110,804 |
| | 4,792,656 | 4,110,804 |

19. PERKHIDMATAN DAN BEKALAN

| | | |
|---|---|---|
| Perjalanan Dan Sara Hidup | 89,996 | 125,924 |
| Pengangkutan Barang-Barang | 2,022 | 0 |
| Perhubungan Dan Utiliti | 454,173 | 582,212 |
| Sewaan | 499,420 | 137,270 |
| Bekalan Bahan Mentah Untuk Penyelenggaraan Dan Pembaikan | 320,645 | 295,796 |
| Bekalan Dan Bahan Lain | 220,272 | 191,411 |
| Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kecil Yang Yang Dibeli | 718,153 | 480,181 |
| Perkhidmatan ikhtisas Dan Perkhidmatan | 1,751,820 | 1,719,450 |
| | 4,056,501 | 3,532,244 |

20. HARTA MODAL

| | 2012 RM | 2011 RM |
|---|---|---|
| Harta Modal - Harta Modal Yang Lain | 15,950 | 22,641 |
| | 15,950 | 22,641 |

21. PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP

| | | |
|---|---|---|
| Pemberian Dalam Negeri | 0 | 36,922 |
| Ganjaran | 69,915 | 19,828 |
| | 69,915 | 56,750 |

22. PERBELANJAAN-PERBELANJAAN LAIN

| | | |
|---|---|---|
| Bayaran-Bayaran Lain | 33,205 | 83,651 |
| Kerugian Atas Pelupusan Aset | 0 | 236,533 |
| | 33,205 | 320,184 |

**No. 495.**

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS DAERAH TAPAH
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Majlis Daerah Tapah bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2013 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

*Tanggungjawab Majlis Terhadap Penyata Kewangan*

Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Akta 171). Majlis juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

*Tanggungjawab Juruaudit*

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

